

**Vale Yakin Dengan Komitmen Kerajaan Negeri Galak Pelaburan - Zambry Bernama**  
**6 April, 2012**

IPOH, 6 April (Bernama) -- Syarikat pelaburan Vale International yakin dengan komitmen kerajaan negeri Perak yang sentiasa menggalakkan suasana pelaburan yang baik, kata Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Katanya maklum balas yang diterima menunjukkan syarikat itu menyedari isu yang dibangkitkan pembangkang tetapi ia memahami dan mengetahui mengenai komitmen kerajaan negeri terhadap projek tersebut.

"Mereka (Vale) ini adalah pelabur antarabangsa dan mereka tidak suka apabila ada watak-watak ahli politik seperti ini (Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin) yang apabila berjumpa mereka, kata ok, waktu selepas itu sudah macam-macam cerita pula," katanya kepada pemberita di luar persidangan Dewan Undangan Negeri di sini, Jumaat.

Isu projek pelaburan pusat pengagihan bijih besi oleh Vale mula timbul apabila Mohammad Nizar mendakwa beliau tidak pernah menyokong projek itu ditempatkan di Teluk Rubiah, Lumut dan mencabar Zambry untuk mendedahkan bukti sokongannya (Mohammad Nizar) terhadap projek itu.

Kerajaan negeri kemudian mengelaskan semula surat yang ditandatangani oleh Mohammad Nizar ketika menjadi menteri besar yang menyatakan sokongannya terhadap pelaksanaan projek itu di Teluk Rubiah.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657481>